

SYARAT-SYARAT TENDER TERBUKA MENJUAL
KENDERAAN TERPAKAI MILIK KYP EDUCATION SDN. BHD.
BIL 01/2019

1. Tawaran hendaklah dibuat atas nama pembida / syarikat mengikut borang tawaran yang dikeluarkan. Borang tawaran boleh diperolehi dengan percuma di Unit Pembelian dan Perolehan, KYP Education Sdn. Bhd., Aras 2, Kompleks Yayasan Pahang.
2. Setiap tawaran hendaklah disertakan dengan deposit tender sebanyak RM500.00. Deposit tender hendaklah dibuat dengan menggunakan Bank Draf / Banker's Cheque atau Kiriman Wang Pos sahaja atas nama '**KYP EDUCATION SDN. BHD.**' yang dikepilkan bersama dengan borang tawaran yang telah diisi. Di bahagian belakang Bank Draf / Banker's Cheque hendaklah dicatitkan nama penuh pembida, no. Kad pengenalan, alamat dan no. pendaftaran kenderaan yang dibuat tawaran dengan jelas. Bayaran deposit tender secara tunai, cek persendirian, cek syarikat tidak boleh diterima.
3. Pembida hendaklah menyatakan dengan jelas alamat surat menyurat terkini dan tarikh tawaran dibuat. Harga tawaran mestilah ditulis dalam bentuk angka dan perkataan di dalam borang tawaran, bilangan nombor lot serta butiran kenderaan yang hendak ditender.
4. Tawaran tender hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul dan bertulis dengan perkataan "**TENDER TERBUKA MENJUAL KENDERAAN TERPAKAI MILIK KYP EDUCATION SDN. BHD. BIL 01/2019**" di sebelah kiri sampul surat dan dialamatkan kepada UNIT PEMBELIAN DAN PEROLEHAN, KYP Education Sdn. Bhd., Aras 2, Kompleks Yayasan Pahang, Tg. Lumpur, 26060 Kuantan, Pahang. Borang tawaran boleh dihantar sendiri atau Pos Berdaftar.
5. Pihak KYP Education Sdn. Bhd. tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang tertinggi atau sebaliknya. Keputusan tawaran ini adalah muktamad dan sebarang surat menyurat mengenai rayuan tidak akan dipertimbangkan.
6. Kenderaan dijual "**sebagaimana**" (**as is**) "**di mana**" (**where is**) dalam keadaan semasa penjualan dan pembida-pembida hendaklah berpuashati dengan kenderaan ini sebelum menyertai tawaran.
7. Pihak KYP Education Sdn. Bhd. juga tidak menjamin keadaan mutu, kualiti atau butir-butir mengenai kenderaan tersebut serta tidak bertanggungjawab ke atas kenderaan yang telah dijual.
8. Tempoh sah laku Tender Terbuka Menjual Kenderaan Terpakai Milik KYP Education Sdn. Bhd. Bil 01/2019 adalah 90 hari dari tarikh tutup tender.
9. Pembida, jika menarik balik tawaran tender dalam tempoh sahlaku tender akan dilucuthak depositnya kepada KYP Education Sdn. Bhd.
10. Deposit tender bagi pembida-pembida yang tidak berjaya akan dikembalikan sebaik sahaja keputusan laporan pembukaan peti tender dibuat kecuali bagi pembida-pembida yang membuat tawaran **harga tertinggi, kedua tertinggi dan ketiga tertinggi.**
11. Bagi pembida yang berjaya, pembida juga perlu membayar **wang kesungguhan sebanyak RM5,000.00** sebagai bukti kesungguhan pembida di dalam menyertai

tender yang ditawarkan. Deposit tender dan wang kesungguhan tidak akan dikembalikan tetapi akan diselaraskan dari baki harga tawaran yang dibuat.

12. Pembida yang berjaya dikehendaki menjelaskan pembayaran sepenuhnya baki tawaran dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pemberitahuan tawaran tender berjaya. Jika pembida gagal berbuat demikian deposit tender akan dilucuthak kepada KYP Education Sdn. Bhd.
13. Pembida yang berjaya boleh membuat pembayaran di **KYP Education Sdn. Bhd., Aras 2, Kompleks Yayasan Pahang, Kuantan, Pahang** dengan syarat pembayaran mesti dibuat secara penuh. Pembayaran boleh dibuat melalui :
 - i) cek kepada "KYP Education Sdn. Bhd." atau
 - ii) *bank-in* ke akaun 8005311739 (CIMB Bank) danemailed slip pembayaran tersebut ke perolehan@ucyp.edu.my
14. Bagi pembida-pembida yang berjaya dan telah membuat bayaran sepenuhnya dikehendaki mengambil kenderaan tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh bayaran dibuat.
15. Semua kakitangan KYP Education Sdn. Bhd., Kolej Universiti Yayasan Pahang (UCYP), Kolej Yayasan Pahang (KYP), syarikat-syarikat kereta terpakai dan orang perseorangan yang berminat dibenarkan menyertai tawaran tender ini.
16. Semua urusan berkaitan dengan tender ini adalah dikendalikan oleh KYP Education Sdn. Bhd. sendiri tanpa melibatkan mana-mana agensi lain atau melantik mana-mana pihak ketiga atau orang tengah.
17. Kenderaan yang ditawarkan boleh dilihat di **Tempat Letak Kereta, Asrama Tanjung Lumpur, Kuantan. Tarikh lawatan ialah pada hari bekerja dari 22 Oktober 2019 hingga 25 Oktober 2019 dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari dan 2.30 petang hingga 4.00 petang.**
18. Pembida / Pihak Syarikat yang ingin melihat kenderaan tersebut diminta mendapatkan Pas Pelawat atau kebenaran daripada Pengawal Keselamatan / Pegawai KYP Education yang bertugas dan mendapatkan pengesahan hadir buat lawatan.
19. Tawaran tender ini akan ditutup pada **31 Oktober 2019 jam 12.00 tengahari**. Tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan termasuk secara pos.
20. Untuk keterangan lanjut sila hubungi pegawai yang terlibat dengan tawaran tender melalui nombor telefon seperti yang dinyatakan di dalam Kenyataan Tawaran Tender.

Sekian, terima kasih.

KYP EDUCATION SDN. BHD.

PN. HAJJAH NOR LIZA BINTI ABD MUBIN
PEMANGKU PENGURUS BESAR
KYP EDUCATION SDN. BHD.